

Hello f P III Kampus

kampus@utusan.com.my

ALUMNI
COMRADE, UJANI
SANTUNI ORANG
ASLI » 22



ABDUL TAIB MAHMUD (empat dari kiri) dan isteri, Raghad Kurdi Taib (empat dari kanan) menjamu juadah Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai Dayak sempena Sambutan Ngabang Raya Unimas 2016, baru-baru ini.



PELAJAR Unimas ceria berpakaian tradisi Dayak.

Ngabang Raya Unimas meriah

Dua perayaan diraikan bersama bagi kukuhkan hubungan



MOHAMAD KADIM SUAIDI (kanan sekali) ceria bersama Pemrang gerai kecantik Sempena Sambutan Ngabang Raya Unimas 2016

Oleh MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my



Lebih 3,000 pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berkumpul merayakan sambutan Ngabang Raya Unimas 2016 yang diadakan di universiti itu baru-baru ini.

Majlis yang bertemakan *Lan Berjardi* yang diadakan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab (PTJ) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) itu menyaksikan para hadirin termasuk tetamu jemputan menikmati pelbagai jenis juadah Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai Dayak daripada pelbagai daerah-daerah di Sarawak yang disediakan secara bergotong-royong antara warga kolej.



MOHAMAD KADIM SUAIDI

Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi dalam ucapannya pada majlis itu berharap sambutan dua perayaan iaitu sambutan Hari Gawai Dayak dan Hari Raya Aidilfitri ini dihimpun dapat

mengeratkan hubungan silaturrahim, mengukuhkan ukhwah dan menyemai nilai-nilai kekeluargaan dan persahabatan dalam kalangan warga Unimas yang berbilang kaum.

"Hanya mereka yang mengambil pengajaran dan menghidupkan hari yang bahagia dan saling hormat-menghormati yang sebenarnya boleh bergembira dengan sambutan perayaan yang diraikan ini.

"Namun, jika nilai persaudaraan ini tidak bertambah dan tahap itu menjadi seperti sediakala, maka perayaan yang kita sambut tidak mempunyai makna. Justeru pelihara keharmonian itu, Kita amat bertungging kerana negeri ini mempunyai pelbagai etnik kaum yang hidup penuh harmoni dan sudah tentu setiap tahun kita rakan pelbagai perayaan," katanya.

Majlis itu disertai dengan kehadiran, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, merangkap Canselor Unimas, Tun Pehin Abdul Taib Mahmud dan isteri, Toh Puan Raghad Kurdi Taib. Hadir sama, Pro-Canselor Unimas, Tan Sri Dr. Alfred Jabu anak Numpang dan



ABDUL TAIB MAHMUD (tengah) dan isteri, Raghad Kurdi Taib (empat dari kanan) memotong reben belon sebagai simbol perasmian Majlis Ngabang Raya Unimas 2016 baru-baru ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Datu Dr. Hatta Solhi. Mohamad Kadim turut menyatakan penghargaan terhadap sokongan dan bantuan dari sudut idea dan kepakaran warga Unimas yang telah banyak membantu pembangunan universiti ini. Katanya, sokongan yang diberikan

itu penting bagi membantu Unimas melahirkan pelajar yang lebih baik pada masa hadapan dan berharap kerjasama yang dijalankan akan berterusan. Sempena majlis tersebut, pelbagai acara seperti pertandingan karaoke dan pertandingan gerai dan kediaman kolej tercantik dan bersih diadakan.